

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
(PASIR GUDANG)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat peruntukan dana dalam Rancangan Malaysia ke-12 untuk menyiapkan keseluruhan fasa naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan menaiktaraf Laluan FT017 Lebuhraya Pasir Gudang ini kepada 6 lorong 2 hala dengan piawaian U5 bagi menguraikan kesesakan lalulintas di kawasan Pasir Gudang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Fasa 1, 2A, 2B dan 3 yang merangkumi jajaran sepanjang 28.2 km.

Fasa 1 bermula dari Persimpangan Kangkar Tebrau sehingga ke Persimpangan Plentong melibatkan jajaran sepanjang 8 km dan telah siap pada 31 Mei 2016. Fasa 2A juga telah siap iaitu pada 31 Oktober 2018 yang melibatkan jajaran sepanjang 7.7km iaitu daripada Persimpangan Plentong dan berakhir di Persimpangan Bandar Seri Alam / Taman Rinting.

Untuk makluman Yang Berhormat, Fasa 2B yang melibatkan jajaran sepanjang 5.5 km iaitu bermula dari Persimpangan Bandar Seri Alam /Taman Rinting dan berakhir di Persimpangan Pasir Gudang telah diluluskan pada RP4 2020 (RMKe-11) dan dijangka akan siap pada tahun 2024.

Bagi Fasa 3 yang bermula dari Persimpangan Bertingkat Perling hingga ke susur naik Lebuhraya Utara Selatan iaitu sepanjang 7.0 km telah dimohon untuk dilaksanakan dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih.